



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN SEBUT HARGA

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TAHUN 2019 DAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR MOCK IGCSE TAHUN 2019 BAGI LIMA PULUH EMPAT (54) MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) SELURUH MALAYSIA

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2019/04	221607	17/04/2019 Hingga 24/04/2019	RM 5.00	02/05/2019 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-

- Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

4. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang terdapat dalam SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dibenarkan membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

5. Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT. Bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran MARA, Tingkat 2, Lot 3.09, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. Wang ini tidak akan dikembalikan.

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.

7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut

8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di pejabat -

Pengarah
Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan MARA
Tingkat 2 (Kaunter Tender), Lot 3.15, Ibu Pejabat MARA,
50609 Kuala Lumpur

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>